

KPDNHEP serbu kedai makan kenakan harga berbeza

Melaka: Pemilik kedai makan di sebuah pasar raya di Ayer Keroh, di sini, bakal dikenakan tindakan udang-undang selepas didapati mengenakan harga berbeza daripada yang dipamerkan pada menu disediakan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Muhamad Aizudin Mohd Said, berkata pihaknya melakukan pemeriksaan ke premis berkenaan selepas menerima aduan orang awam, petang kelmarin.

Katanya, premis yang terletak di tingkat bawah pasar raya berkenaan diperiksa penguat kuasa KPDNHEP negeri jam 11 pagi semalam.

"Hasil siasatan mendapati harga yang perlu dibayar pengguna berlainan daripada apa yang tertera pada buku menu.

"Harga ditulis bagi set asam pedas lebih mahal dengan perbezaan RM1.55 daripada harga tertera pada buku menu," katanya ketika dihubungi, semalam.



Hasil siasatan mendapati harga yang perlu dibayar pengguna berlainan daripada apa yang tertera pada buku menu.

**Muhamad Aizudin Mohd Said,
Ketua Pegawai Penguat Kuasa
KPDNHEP Melaka**

Menurut Muhamad Aizudin, siasatan kes berkenaan dijalankan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"KPDNHEP amat menggalau-ulukan kerjasama orang awam untuk menyalurkan isu kepenggunaan melalui Hotline 1800 886 800 ataupun Aplikasi WhatsApp di nombor 019-2794317," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, 23,427 premis perniagaan diperiksa KPDNHEP bermula Januari hingga semalam.

"Hasilnya, 91 kes disiasat mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, manakala enam kes mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Tindakan dikenakan membabitkan kompaun antara RM100 hingga RM3,000 bagi setiap kes atau kesalahan," katanya.

Tambah beliau, antara kesalahan dikesan, termasuk tidak meletakkan tanda harga pada barang jualan atau perkhidmatan, harga mengelirukan dan gagal menyelenggara rekod perniagaan.